

15 MAY 1996

Mahathir-Jepun

PM MINTA SYARIKAT JEPUN TELITI KORIDOR RAYA MULTIMEDIA

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 15 Mei (Bernama) -- Syarikat-syarikat Jepun yang kini beroperasi di Malaysia dinasihati supaya membuat penilaian semula mengenai cadangan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Kuala Lumpur untuk memperluaskan perniagaan mereka di seluruh dunia.

"Mereka perlu meneliti MSC untuk melihat bagaimana mereka boleh mendapat manfaat sama ada untuk tujuan pembuatan atau menggunakan infrastruktur telekomunikasi yang akan terdapat di sana," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa sesi soal-jawab selepas menyampaikan ucapan dasar mengenai projek MSC Malaysia di sini hari ini.

Seorang wakil sebuah syarikat elektrik Jepun meminta nasihat Perdana Menteri mengenai bagaimana syarikat-syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia boleh mengambil bahagian dalam MSC.

Dr Mahathir berkata mereka harus membuat penilaian semula mengenai industri multimedia dan menggunakan MSC untuk meningkatkan daya pengeluaran dan akses mereka ke seluruh dunia.

Seperti yang diketahui syarikat-syarikat Jepun, kerajaan Malaysia selalu memperkotakan komitmennya, dan ia akan menyokong MSC untuk memastikan kejayaannya, katanya.

Dr Mahathir berkata kos operasi bagi syarikat-syarikat Jepun masih lebih rendah di Malaysia disebabkan kos sara hidup yang rendah.

Ketika menjawab soalan mengenai bagaimana Malaysia akan melahirkan jurutera yang diperlukan bagi MSC dan pembangunan pesat negara, beliau berkata kerajaan telah meminda undang-undang untuk membenarkan penubuhan cawangan universiti asing dan melonggarkan peraturan bagi membolehkan pakar asing berkhidmat di Malaysia dan membolehkan orang tempatan belajar daripada mereka.

Beliau berkata perubahan Malaysia kepada industri berasaskan modal adalah untuk mengurangkan jumlah tenaga pekerja asing.

Industri berasaskan buruh akan dipindahkan ke negara-negara jiran dan pekerja-pekerja Malaysia dikekalkan untuk mengendalikan jentera pengeluaran baru bagi memenuhi permintaan pembangunan perindustrian, katanya.

MSC yang meliputi kawasan seluas 600 km persegi menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru, Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang baru, dan ibu negara Kuala Lumpur. -- BERNAMA

TCL AKD